

DIGANGGU BEKAS KEKASIH

Gadis tak selesa kerana dalam proses mengenal hati budi rakan sekerja



Hubungan saya dengan teman lelaki sudah berakhir ketika kami berada di tahun akhir sebuah kolej swasta. Selepas berpisah, kami

membawa haluan masing-masing.

Bagaimanapun, kini bekas teman lelaki kembali mengganggu kehidupan membuatkan saya tidak selesa. Saya masih sendiri dan kini hanya mahu fokus pada kerjaya. Lagipun usia saya masih muda iaitu 22 tahun.

Saya sering diperhatikannya. Selain memberikan hadiah dan kejutan, bekas teman lelaki juga sering muncul di tempat awam ketika saya keluar bersama rakan lain. Saya sedar dia ingin menyambung hubungan tapi saya enggan. Lagipun saya kini dalam proses mengenali hati budi seorang rakan sekerja.

Berikan saya panduan bagi menghadapi situasi ini agar ia dapat diselesaikan secara baik dan harmoni.

SUSAH HATI
Johor

Terganggu dengan tindakan seseorang adalah

pertembungan emosi yang kuat yang menyebabkan ketidakselesaian. Pelbagai faktor boleh menjadi penyebab sama ada berpunca daripada dirinya atau orang yang diganggu. Dalam hal ini, isunya berkaitan gangguan bekas kekasih. Apa yang perlu dilakukan?

1. Jangan takut menghadapi kesilapan lalu.

Jika ternampak kelibat bekas kekasih, jangan melarikan diri. Ramai mengambil jalan mudah dengan melarikan diri daripada dihantui perasaan bersalah tetapi kemudian menderita akibat tekanan perasaan. Cuba bersikap terbuka dan matang dengan berhadapan dengannya secara harmoni walaupun anda sebenarnya tidak selesa dengan suasana itu.

2. Buktikan anda sudah berubah dan berani menampilkan diri.

Tanda seseorang itu berubah ialah dia berani menampilkan dirinya kepada orang lain dan tidak takut dengan celaan kerana benar-benar mahu berubah. Tunjukkan kepadanya anda ada peribadi yang

baru. Hadapi bekas kekasih dengan penuh yakin untuk menunjukkan dia sedang bertemu dengan seseorang yang sudah berubah. Anda boleh bertegas menyatakan prinsip secara berhemah dan mahukan kehidupan baru dan yakin dengan keputusan anda.

3. Tegur jika perlu dan tunjukkan akhlak yang baik.

Jangan sombong atau mendiamkan diri jika keadaan memaksa untuk bercakap dan bertegur sapa dengannya. Anda boleh bertegur sapa sekadar perlu. Buktikanlah anda sudah berubah dengan mempamerkan akhlak yang baik. Semoga dia boleh menerima serta turut berubah menjadi lebih baik dengan melihat akhlak anda.

4. Mendoakan bekas kekasih.

Jangan kedekut mendoakan bekas kekasih agar dia mendapat kebaikan dan diberi petunjuk atau hidayah seperti yang kita peroleh. Mendoakan bekas kekasih bermaksud kita berjaya memaafkan kesalahan diri sendiri dan mampu menghadapi peristiwa lalu dengan tabah

dan jiwa yang kuat.

5. Elak menjalin hubungan atau komitmen tidak perlu.

Elak perkara yang tidak wajar atau melampaui batasan. Tidak perlu melayan kerenah bekas kekasih dan anggaplah pertemuan itu satu ujian dan cubaan untuk melihat apakah kita benar-benar sudah berubah dan bersedia menghadapi kesilapan lalu dengan lebih tabah.

6. Kesilapan lalu bukan penghalang untuk membina kehidupan baru.

Apa yang penting bukan bagaimana kita bermula tetapi bagaimana akan berakhir. Tetapkan hati dan jiwa untuk berusaha menjadi seseorang yang lebih baik tanpa perlu memandangi ke belakang.

7. Apa yang penting pilihan kita hari ini.

Kita ialah apa yang kita pilih. Yang penting pilihan dan keberanian untuk meneruskan langkah. Kehidupan tidak pernah mudah dan dicipta untuk menguji. Tetapi kita juga diberi pilihan untuk bangkit daripada kekalahan.

Ketabahan untuk tidak mengaku kalah dan bangkit daripada kesilapan lalu untuk memperbaiki kehidupan yang akan datang adalah bukti kita benar-benar mahu berubah.

